

BAB V

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bahagian ini akan menerangkan kesimpulan dari dapatan kajian yang dijalankan, implikasi dapatan kajian, cadangan bagi kajian yang selanjutnya dan kesimpulan secara keseluruhan.

5.1 Kesimpulan Kajian dan Dapatan

Tujuan kajian ini dijalankan adalah:

- a) mengenalpasti orientasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol,
- b) mengenalpasti motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol,
- c) mengetahui hubungan di antara orientasi dan motivasi pelajar dengan pencapaian mereka, dan
- d) melihat perbandingan orientasi dan motivasi pelajar Melayu, Cina dan India terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol

Data dianalisis berdasarkan min, kekerapan, peratus, sisihan piawai, median, analisis varians (ANOVA) dan Pearson Correlation (r). Dapatan kajian menunjukkan bahawa:

- a) Orientasi pelajar di dalam pembelajaran BS adalah positif dan lebih dominan kepada orientasi instrumental (*Mempelajari BS untuk mendapatkan kerja yang baik; Meningkatkan gred dan menamatkan pengajian; BS adalah salah satu bahasa asing yang penting di peringkat global maka saya akan perlukannya di masa hadapan kelak; Dianggap bijak sekiranya mengetahui BS dan ingin*

*mengunjungi negara yang menuturkan BS pada suatu hari nanti) berbanding orientasi integratif. Tiga item orientasi integratif (*Belajar BS membolehkan saya memahami dan menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka; Belajar BS kerana nada bunyi menarik; kemahiran BS membantu untuk memahami budaya masyarakat Sepanyol*) dipaparkan sebagai positif dan dua item lagi (*Menguasai BS membantu saya untuk berjumpa dan berkomunikasi dengan penutur natif BS* dan *Saya mempelajari BS kerana ia membolehkan saya melibatkan diri di dalam aktiviti budaya komuniti BS*) dipamerkan sebagai negatif.*

- b) Tahap motivasi responden di dalam pembelajaran BS bagi kesemua item motivasi adalah tinggi (*Belajar dan ikuti kelas BS di university; BS adalah sangat menarik berbanding subjek lain; Menggunakan kemahiran BS di dalam dan luar kelas, Tonton rancangan yang berkaitan dengan BS di kaca televisyen; Dengar dan hayati lagu BS sekiranya diputarkan di saluran radio; Cari sumber tambahan lain di laman web; Seronok mempelajari BS; Suka mempelajari BS, dan Bercadang untuk belajar BS ke tahap yang seterusnya*).
- c) Tiada hubungan atau korelasi yang signifikan di antara kesemua pembolehubah orientasi dan motivasi dengan gred peperiksaan responden ($r = 0$, $p > .05$).
- d) Analisis ANOVA menunjukkan hanya dua dari lima item orientasi integratif (*Belajar BS kerana membolehkan saya menonton filem Sepanyol dalam bahasa asal mereka* dan *Belajar BS kerana nada bunyi menarik*) menunjukkan

perbezaan yang signifikan ($p < .05$) di antara kumpulan responden. Bagi kesemua item orientasi instrumental menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di antara kumpulan responden.

Dapatan kajian ANOVA juga menunjukkan lima dari sembilan item motivasi iaitu '*Belajar dan ikuti kelas BS di universit;*, *Gunakan kemahiran BS di dalam dan luar kelas;* *Tonton rancangan yang berkaitan dengan BS di kaca televisyen;* *Dengar dan hayati lagu BS sekiranya diputarkan di saluran radio;* dan *Cari sumber tambahan lain tentang BS*' memiliki perbezaan yang signifikan di antara kumpulan responden.

5.2 Implikasi Dapatan Kajian

Hasil dari kajian oleh pengkaji ke atas orientasi dan motivasi responden terhadap pembelajaran BS adalah sedikit sebanyak memberikan implikasi kepada guru, pelajar dan institusi pengajian tinggi dalam menjayakan pembelajaran dan pengajaran bahasa asing di Malaysia.

5.2.1 Guru

Bagi menjadikan proses pembelajaran bahasa lebih menarik tenaga pengajar harus mewujudkan program-program tertentu bagi mengekalkan minat pelajar dan tercapainya matlamat jangka pendek (Holt, 2001). Guru juga perlu mencipta suasana pembelajaran yang menarik melalui pembentukan dan pemilihan pelbagai aktiviti yang menarik dan baru seperti tekasilangkata, penyelesaian masalah dan sebagainya (Dornyei, 1994). Ia bertujuan memperolehi perhatian dan minat dari pelajar. Menggalakkan pelajar untuk lebih melibatkan diri di dalam kelas kadangkala boleh membantu mereka memperbaiki kemahiran komunikasi dalam bahasa sasaran mereka. Komunikasi yang

berjaya menggunakan bahasa sasaran seharusnya melahirkan perasaan tercapainya sesuatu matlamat (Holt, 2001).

Dalam kajian ini, para pelajar didapati lebih dominan kepada orientasi instrumental berbanding integratif. Oleh itu, guru perlu menekankan dan menyelitkan komponen budaya di dalam pembelajaran seperti filem, lagu dan memperkenalkan beberapa jenis makanan negara natif. Usaha ini serba sedikit membantu mendedahkan para pelajar kepada budaya dan cara hidup masyarakat luar walaupun, mereka tidak berpeluang berada di dalam situasi sebenar. Dornyei (1994:281) sendiri mengesyorkan agar guru melibatkan komponen sosio-budaya di dalam silabus pengajaran bahasa kedua melalui perkongsian pengalaman yang berkait dengan bahasa kedua di dalam kelas, menayangkan filem-filem atau rakaman TV, memutarkan muzik yang relevan dan menjemput beberapa orang penutur natif ke dalam kelas. Selain itu, membuat pertemuan di antara pelajar dengan penutur bahasa kedua, menganjurkan lawatan atau pertukaran program ke komuniti bahasa kedua atau mencari '*pen-friends*' untuk pelajar (Dornyei, 1994:281).

Penggunaan teks yang menarik juga membantu meningkatkan tahap motivasi pelajar di dalam kelas. Kebanyakan teks yang terdapat di dalam buku bahasa asing telah dibentuk untuk EFL (English Foreign Language) di mana ia mengandungi topik yang melibatkan interaksi di dalam kelas. Secara tidak langsung ia dapat membantu memotivasi pelajar dalam meningkatkan kemahiran bahasa mereka (Holt, 2001). Pengajar seharusnya memanipulasikan topik yang terkandung di dalam buku teks dan membantu menarik minat pelajar untuk melibatkan diri di dalam aktiviti tersebut. Walaupun, mereka mungkin merasakan tidak ada kepentingan untuk menguasai bahasa kedua, pembelajaran bahasa kedua dan budaya lain dapat membantu meluaskan persepsi dan pemahaman budaya lain oleh pelajar.

5.2.2 Pelajar

Pelajar merupakan responden utama dalam kajian ini. Hasil kajian menjadi input dan gambaran kepada pelajar tentang sikap mereka terhadap pembelajaran BS iaitu sebagai bahasa asing mereka. Bagi mencapai keputusan yang baik di dalam pembelajaran bahasa, pelajar perlu mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Mereka tidak seharusnya bersikap negatif dan tidak memandang rendah terhadap keupayaan diri sendiri semasa mempelajari bahasa asing.

Pelajar juga disarankan agar tidak bersikap negatif dan menolak pembelajaran bahasa asing terutamanya terhadap budaya dan cara hidup masyarakat komuniti lain. Pada hari ini memiliki pengetahuan lebih dari satu bahasa selain bahasa Inggeris adalah menjadi satu bonus kepada pelajar berbanding yang lain terutamanya di dalam pencarian kerjaya kelak. Oleh itu, pelajar harus mengambil peluang ini untuk mempelajari salah satu bahasa asing yang utama.

Pelajar juga seharusnya mengambil inisiatif sendiri dalam meningkatkan kemahiran bahasa Sepanyol melalui sumber-sumber lain seperti di dalam laman-laman web tertentu di internet yang mengandungi pelbagai aktiviti bahasa.

5.2.3 Institusi pengajian tinggi

Institusi pengajian tinggi merangkumi elemen-elemen yang melibatkan pelajar, pensyarah dan golongan pentadbir termasuklah strategi pengajaran, bahan-bahan yang disediakan serta aktiviti-aktiviti sokongan yang merangsang pencapaian pelajar. Bagi memastikan matlamat melahirkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing tercapai, pihak pengurusan tertinggi seharusnya menyediakan guru-guru yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran berbahasa yang tinggi. Guru-guru juga semestinya

mendapat latihan, memiliki personaliti perguruan, keupayaan mengajar asas bahasa dan berupaya menggalakkan pelajar mempelajari dan berkomunikasi dalam bahasa asing yang dipelajari (Gardner, 2001). Selain itu, pihak pengurusan tertinggi di setiap institusi pengajian tinggi di Malaysia disarankan agar menggalakkan dan mempromosikan kepada pelajar akan kepentingan mempelajari salah satu bahasa asing global yang utama di dalam era globalisasi hari ini. Ia boleh dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti seperti pameran, ceramah, pementasan teater, tayangan filem, pertandingan menulis esei pendek, nyanyian dan sebagainya.

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini memberi penekanan kepada orientasi dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran BS di FBMK, UPM sahaja. Ianya dilakukan ke atas 73 responden yang dipilih secara rawak dan mengambil subjek BS pada tahap I sahaja. Kajian ini merupakan kajian kes sahaja. Segala dapatan kajian ini tidak boleh dijadikan sebagai inferens untuk populasi responden bagi universiti yang menawarkan subjek BS. Antara kajian lanjutan yang wajar difikirkan ialah:

- (i) Kajian ini hanya melibatkan 73 orang responden bagi tahap I di FBMK, UPM sahaja. Dicadangkan agar jumlah responden yang diambil kelak ditambahkan lagi dan sampel kajian turut melibatkan universiti-universiti lain yang menawarkan subjek BS. Selain itu disyorkan agar kajian dilakukan ke atas tahap II, III, IV dan seterusnya. Oleh itu, perbandingan dapat dibuat lantas memperkuuhkan kepastian tentang orientasi dan motivasi responden.
- (ii) Kajian perbandingan antara orientasi dan motivasi pelajar Melayu, Cina dan India terhadap BS dengan bahasa asing lain seperti Jepun, Perancis dan sebagainya.

- (iii) Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Dicadangkan pengkaji akan datang menggunakan teknik temu bual dan pemerhatian.
- (iv) Kajian ini hanya melibatkan item orientasi (integratif dan instrumental) dan motivasi (keinginan untuk mempelajari bahasa, kesungguhan motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa) dari *Attitude and Motivation Test Battery (AMTB)* Gardner (1985). Disyorkan agar kajian seterusnya meliputi item-item lain seperti minat di dalam bahasa asing, sikap terhadap situasi pembelajaran (penilaian guru dan kursus), kebimbangan bahasa dan sebagainya.

5.4 Kesimpulan

Pada hari ini individu yang menguasai salah satu bahasa asing seperti Sepanyol, Perancis dan Jepun berkebolehan untuk memperolehi pemahaman yang tinggi terhadap budaya lain dan meningkatkan kesedaran mereka tentang kepentingan kemahiran bahasa asing di peringkat global.

Apa jua motivasi yang mendorong pembelajar atau pelajar untuk mempelajari bahasa asing adalah ditentukan oleh mereka sendiri. Orientasi integratif dan instrumental boleh menjadi faktor yang mendorong mereka untuk mempelajari bahasa asing. Walaubagaimanapun ia adalah bergantung kepada sikap dan persepsi mereka terhadap pembelajaran bahasa asing.